



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
2016**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
2016**

**BAHAGIAN A  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memastikan sekolah mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 kepada semua calon sekolah.
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis (Cetakan 2010) dan Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan (2010).

**BAHAGIAN B  
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas soalan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis.

## **BAHAGIAN C KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN - ARAHAN AM**

Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 dimaklumkan kepada calon.
2. mencatatkan di papan tulis dan memaklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
3. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke dewan/bilik peperiksaan.
4. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016.
5. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
6. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
7. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
8. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
9. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang LP/Am 29 - Pin. 1/2013 akur dengan bilangan calon dalam Jadual Kedatangan bagi sesuatu kertas peperiksaan.
10. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan di Bahagian C: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
11. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan di Bahagian C: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
12. merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis (Cetakan 2010).

## **BAHAGIAN D CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN**

### **1. ARAHAN AM**

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis atau melaksanakan ujian lisan khusus calon persendirian akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan SPM 2016.

- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak JPN sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama **Pengarah Peperiksaan** tempat calon mendaftar menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2016 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

## 2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Perakuan Pengenalan Diri** dan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.3 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.4 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam Jadual Kedatangan. Calon hendaklah mengemukakan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan SPM 2016** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran.

## 3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca dan mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

#### 4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menulis **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dan **Angka Giliran** dengan jelas dan betul di muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.2 menulis **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** dengan jelas dan betul di muka hadapan Helaian Tambahan (HT).
- 4.3 menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 memastikan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ) dan HT apabila diarah berhenti menulis.
- 4.7 memastikan setiap helaian tambahan disusun mengikut urutan nombor soalan sebelum diikat bersama kertas peperiksaan atau BJ.
- 4.8 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

#### 5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.4 Calon hendaklah menanda ruangan BAHASA DIGUNAKAN untuk menjawab kertas peperiksaan yang berkenaan.
- 5.5 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.

- 5.6 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.7 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.8 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.9 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

## **6. AMARAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari dewan/bilik peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 6.3 membawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.

## **7. LARANGAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan serta telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
- 7.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.

- 7.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 7.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.8 membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

## **8. PERINGATAN**

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian C: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

- i. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

**BAHAGIAN E  
 ARAHAN KHAS**

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
1103/3 Bahasa Melayu <i>Kertas 3</i> 1119/3 Bahasa Inggeris <i>Kertas 3</i> 6351/3 Bahasa Cina <i>Kertas 3</i> 6354/3 Bahasa Tamil <i>Kertas 3</i>	<p>Ujian Lisan Khusus Calon Persendirian (ULKCP)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon persendirian wajib melaksanakan ULKCP sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori berikut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1.1 Calon persendirian yang <b>pertama kali mendaftar</b> peperiksaan SPM; <b>atau</b></li> <li>1.2 Calon persendirian yang <b>mengulang selepas tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM/SPM(U) ; <b>atau</b></li> <li>1.3 Calon persendirian yang <b>mengulang dalam tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan <b>G (GAGAL)</b> atau <b>T (TIDAK HADIR)</b>.</li> </ol> </li> <li>2. Calon persendirian <b>tidak wajib</b> melaksanakan ULKCP sekiranya calon <b>mengulang dalam tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM/SPM(U) dan <b>LULUS</b> Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris/Bahasa Cina/Bahasa Tamil.</li> </ol>
2361/3 Bahasa Arab <i>Kertas 3</i> 5227/2 Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 2</i>	<p>Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon persendirian wajib melaksanakan PLBS sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori berikut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1.1 Calon persendirian yang <b>pertama kali mendaftar</b> peperiksaan SPM.</li> <li>1.2 Calon persendirian yang <b>mengulang selepas tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM.</li> <li>1.3 Calon persendirian yang <b>mengulang dalam tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan <b>G (GAGAL)</b> atau <b>T (TIDAK HADIR)</b>.</li> </ol> </li> <li>2. Calon persendirian <b>tidak wajib</b> melaksanakan PLBS sekiranya calon <b>mengulang dalam tempoh tiga (3) tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan <b>LULUS</b> Bahasa Arab/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah.</li> </ol>



KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
2280/2 Geografi Kertas 2	Stensil peta tidak boleh digunakan.
<b>Kertas Soalan Tertutup</b>  1225/1 Pendidikan Moral Kertas 1 2611/1 Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 4571/1 Pengetahuan Sains Sukan Kertas 1	Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan <b>baki</b> kertas soalan 1225/1 Pendidikan Moral Kertas 1 kepada Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.  Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengumpul semula kertas soalan 2611/1 Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 dan 4571/1 Pengetahuan Sains Sukan Kertas 1 selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
2611/2 Pendidikan Seni Visual – Seni Halus Kertas 2	Calon hendaklah menggunakan kertas lukisan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja. Calon yang mengambil kertas 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Seni Halus Kertas 2, hendaklah mengambil kertas soalan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada <b>14 November 2016 (Isnin)</b> .
3759/1 Lukisan Kejuruteraan Kertas 1	Calon hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.
7102/1 Membuat Perabot Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri alat melukis dan pensel warna.
7204/1 Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
7301/1 Landskap dan Nurseri Kertas 1 7303/1 Tanaman Makanan Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis pelan dan peralatan mewarna.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
1249/3 Sejarah Kertas 3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon hendaklah memuat turun tema umum Sejarah 1249/3 dari laman web Lembaga Peperiksaan enam (6) minggu sebelum tarikh peperiksaan.</li> <li>2. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan tema umum sebagai persediaan untuk menjawab tugas spesifik yang akan diberi pada hari peperiksaan. Sumber rujukan boleh diperolehi daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota, majalah, keratan akhbar, internet dan sumber-sumber lain yang berkaitan.</li> <li>3. Calon hanya dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis, bahan fotostat dan bahan bercetak yang berkaitan sahaja ke dalam dewan/bilik peperiksaan pada hari peperiksaan. Dokumen tersebut tidak boleh dikongsi bersama calon-calon lain semasa peperiksaan bertulis dilaksanakan. Penggunaan bahan rujukan hendaklah tidak mengganggu calon lain.</li> <li>4. Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.</li> </ol>

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
<p>7101/1 Pembinaan Domestik <i>Kertas 1</i></p> <p>7103/1 Kerja Paip Domestik <i>Kertas 1</i></p> <p>7104/1 Pendawaian Domestik <i>Kertas 1</i></p> <p>7105/1 Kimpalan Arka dan Gas <i>Kertas 1</i></p> <p>7106/1 Menservis Automobil <i>Kertas 1</i></p> <p>7107/1 Menservis Motosikal <i>Kertas 1</i></p> <p>7108/1 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara <i>Kertas 1</i></p> <p>7109/1 Menservis Peralatan Elektrik Domestik <i>Kertas 1</i></p> <p>7201/1 Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i></p> <p>7202/1 Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i></p> <p>7203/1 Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i></p> <p>7205/1 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i></p> <p>7206/1 Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik <i>Kertas 1</i></p> <p>7302/1 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i></p> <p>7401/1 Seni Reka Tanda <i>Kertas 1</i></p> <p>7402/1 Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i></p> <p>7403/1 Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i></p> <p>7404/1 Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i></p>	<p>Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.</p>
<p>Penggunaan Kalkulator</p>	<p>Calon dibenarkan mengguna kalkulator bagi kertas soalan yang berkenaan.</p>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	
<b>ISNIN</b> 7 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit	
	08:00 pagi — 10:15 pagi	1103/1	<b>Bahasa Melayu</b> <b>Kertas 1</b>	2 jam 15 minit	
	10:50 pagi — 11:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit	
	11:00 pagi — 12:15 tgh. hari	2611/1	<b>Pendidikan Seni Visual - Teori Seni</b> <b>(Aneka Pilihan)</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 15 minit	
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit	
	02:00 petang — 04:30 petang	1103/2	<b>Bahasa Melayu</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit	
	<b>SELASA</b> 8 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
		08:00 pagi — 09:45 pagi	1119/1	<b>Bahasa Inggeris</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 45 minit
10:20 pagi — 10:30 pagi		.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit	
10:30 pagi — 12:45 tgh. hari		1119/2	<b>Bahasa Inggeris</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 15 minit	
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit	
	02:00 petang — 03:15 petang	2361/1	<b>Bahasa Arab</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 15 minit	
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit	
	02:00 petang — 03:45 petang	6351/1	<b>Bahasa Cina</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 45 minit	
	02:00 petang — 03:45 petang	6354/1	<b>Bahasa Tamil</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 45 minit	
	<b>RABU</b> 9 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
		08:00 pagi — 9:00 pagi	1249/1	<b>Sejarah (Aneka Pilihan)</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam
		09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Buku Jawapan	10 minit
10:00 pagi — 12:30 tgh.hari		1249/2	<b>Sejarah</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit	
<b>KHAMIS</b> 10 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit	
	08:00 pagi — 11:00 pagi	1249/3	<b>Sejarah</b> <b>Kertas 3</b>	3 jam	
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit	
	02:00 petang — 04:15 petang	6351/2	<b>Bahasa Cina</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 15 minit	
	02:00 petang — 04:15 petang	6354/2	<b>Bahasa Tamil</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 15 minit	
	02:00 petang — 04:30 petang	2361/2	<b>Bahasa Arab</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit	
	02:00 petang — 04:30 petang	6356	<b>Bahasa Iban</b>	2 jam 30 minit	
	02:00 petang — 04:30 petang	6357	<b>Bahasa Kadazandusun</b>	2 jam 30 minit	
	02:00 petang — 04:30 petang	9303	<b>Bahasa Perancis</b>	2 jam 30 minit	
	02:00 petang — 05:00 petang	9378	<b>Bahasa Punjabi</b>	3 jam	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 14 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	1449/1	<b>Mathematics (Aneka Pilihan) Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tgh. hari	1449/2	<b>Mathematics Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	02:00 petang — 03:15 petang	5226/1	<b>Tasawwur Islam Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	9221	<b>Bible Knowledge</b>	2 jam 30 minit
SELASA 15 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Jawapan dalam Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	08:00 pagi — 10:00 pagi	1223/1	<b>Pendidikan Islam Kertas 1</b>	2 jam
	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	1225/1	<b>Pendidikan Moral Kertas 1</b>	2 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	5228/2	<b>Pendidikan Syari'ah Islamiah Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	11:15 pagi — 12:55 tgh. hari	1223/2	<b>Pendidikan Islam Kertas 2</b>	1 jam 40 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	11:15 pagi — 12:30 tgh. hari	5228/1	<b>Pendidikan Syari'ah Islamiah (Aneka Pilihan) Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
02:00 petang — 04:30 petang	5226/2	<b>Tasawwur Islam Kertas 2</b>	2 jam 30 minit	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
<b>RABU</b> 16 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	3756/1	<b>Prinsip Perakaunan (Aneka Pilihan) Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Tambahan, Lejar, Jurnal dan Buku Tunai Tiga Ruangan</i>	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tgh. hari	3756/2	<b>Prinsip Perakaunan Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	5227/1	<b>Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah Kertas 1</b>	2 jam 30 minit
<b>KHAMIS</b> 17 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	10 minit
	08:00 pagi — 10:00 pagi	3472/1	<b>Additional Mathematics Kertas 1</b>	2 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3472/2	<b>Additional Mathematics Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
<b>ISNIN</b> 21 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Kertas Lukisan</i>	10 minit
	08:00 pagi — 11:00 pagi	2611/2	<b>Pendidikan Seni Visual - Seni Halus Kertas 2</b>	3 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	2621/1	<b>Pendidikan Muzik Kertas 1</b>	2 jam 30 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3763/1	<b>Reka Cipta Kertas 1</b>	2 jam 30 minit
	<b>SELASA</b> 22 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
08:00 pagi — 09:15 pagi		1511/1	<b>Science (Aneka Pilihan) Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
08:00 pagi — 09:15 pagi		4531/1	<b>Physics (Aneka Pilihan) Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
09:50 pagi — 10:00 pagi		.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
10:00 pagi — 12:30 tgh. hari		1511/2	<b>Science Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
10:00 pagi — 12:30 tgh. hari		4531/2	<b>Physics Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
	02:00 petang — 03:30 petang	4531/3	<b>Physics (Amali Bertulis) Kertas 3</b>	1 jam 30 minit

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
RABU 23 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	2205	Literature in English	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	2215	Kesusasteraan Melayu	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	9216	Kesusasteraan Cina	2 jam 30 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	9217	Kesusasteraan Tamil	2 jam 30 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
	11:15 pagi — 12:30 tgh. hari	3754/1	Pengajian Keusahawanan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	11:15 pagi — 12:30 tgh. hari	2280/1	Geografi (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
	02:00 petang — 04:00 petang	3754/2	Pengajian Keusahawanan Kertas 2	2 jam
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Buku Jawapan</i>	10 minit
	02:00 petang — 04:00 petang	2280/2	Geografi Kertas 2	2 jam
KHAMIS 24 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	3755/1	Perdagangan (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4551/1	Biology (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tgh. hari	3755/2	Perdagangan Kertas 2	2 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tgh. hari	4551/2	Biology Kertas 2	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
02:00 petang — 03:30 petang	4551/3	Biology (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit	
SELASA 29 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4541/1	Chemistry (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	4561/1	Additional Science (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
	10:00 pagi — 12:30 tgh. hari	4541/2	Chemistry Kertas 2	2 jam 30 minit
	10:00 pagi — 12:30 tgh. hari	4561/2	Additional Science Kertas 2	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan</i>	10 minit
	02:00 petang — 03:30 petang	4541/3	Chemistry (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit
02:00 petang — 03:30 petang	4561/3	Additional Science (Amali Bertulis) Kertas 3	1 jam 30 minit	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	
RABU 30 November 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan</i>	10 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	3759/1	Lukisan Kejuruteraan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7101/1	Pembinaan Domestik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7102/1	Membuat Perabot <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7103/1	Kerja Paip Domestik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7104/1	Pendawaian Domestik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7105/1	Kimpalan Arka dan Gas <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7106/1	Menservis Automobil <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7107/1	Menservis Motosikal <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7108/1	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7109/1	Menservis Peralatan Elektrik Domestik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7201/1	Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7202/1	Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7203/1	Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7204/1	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7205/1	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7206/1	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7301/1	Landskap dan Nurseri <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7302/1	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7303/1	Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7401/1	Seni Reka Tanda <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7402/1	Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7403/1	Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	08:00 pagi — 10:30 pagi	7404/1	Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i>	2 jam 30 minit	
	11:05 pagi — 11:15 pagi	.....	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	10 minit
			3757/1	<b>Ekonomi Asas (Aneka Pilihan)</b> <i>Kertas 1</i>	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	.....	<i>Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>	10 minit
		3757/2	<b>Ekonomi Asas</b> <i>Kertas 2</i>	2 jam	



**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**  
**2016**

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
KHAMIS 1 Disember 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 9:15 pagi	4571/1	<b>Pengetahuan Sains Sukan (Aneka Pilihan)</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3760/1	<b>Pengajian Kejuruteraan Mekanikal</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3761/1	<b>Pengajian Kejuruteraan Awam</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3762/1	<b>Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik</b>	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	3764/1	<b>Teknologi Kejuruteraan</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 30 minit
	01:50 tgh. hari — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3760/2	<b>Pengajian Kejuruteraan Mekanikal</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3761/2	<b>Pengajian Kejuruteraan Awam</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3762/2	<b>Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik</b>	2 jam 30 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	3764/2	<b>Teknologi Kejuruteraan</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan dan Helaian Tambahan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	4571/2	<b>Pengetahuan Sains Sukan</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam 30 minit
ISNIN 5 Disember 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 9:30 pagi	3528/1	<b>Sains Pertanian</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	08:00 pagi — 9:00 pagi	3758/1	<b>Ekonomi Rumah Tangga (Aneka Pilihan)</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tgh. hari	3528/2	<b>Sains Pertanian</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam
	09:50 pagi — 10:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	10:00 pagi — 12:00 tgh. hari	3758/2	<b>Ekonomi Rumah Tangga</b> <b>Kertas 2</b>	2 jam
01:50 petang — 02:00 petang	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Jawapan dalam Kertas Soalan dan Buku Jawapan	10 minit	
02:00 petang — 04:30 petang	3765/1	<b>Information and Communication Technology</b> <b>Kertas 1</b>	2 jam 30 minit	
SELASA 6 Disember 2016	07:50 pagi — 08:00 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan	10 minit
	08:00 pagi — 09:15 pagi	6355/1	<b>English for Science and Technology</b> <b>Kertas 1</b>	1 jam 15 minit
	11:05 pagi — 11:15 pagi	.....	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat	10 minit
	11:15 pagi — 12:15 tgh. hari	6355/2	<b>English for Science and Technology</b> <b>(Aneka Pilihan)</b> <b>Kertas 2</b>	1 jam

**JADUAL MASA TAMBAHAN  
CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis kertas soalan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

**Kategori A :** Calon Buta, Rabun, Pelbagai Kekacatan, Spastik/*Cerebral Palsy*, Autisme/Sindrom Down/*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*/*Attention Deficit Disorder (ADD)*, Disleksia dan Cacat Anggota dan Kemalangan.

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan)

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

**Kategori B :** Calon Pekak/Bisu

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

### AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang menduduki peperiksaan di bilik / dewan peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan serta telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

Calon yang tidak mematahi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

### LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### BORANG PENGAKUAN CALON

<b>1.NAMA CALON</b>		
<b>2.ANGKA GILIRAN</b>		
<b>3.NOMBOR KAD PENGENALAN</b>		
<b>4. PEPERIKSAAN</b>		<b>TAHUN</b>
<b>5. PENGAKUAN CALON</b>		
Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua <b>Amaran Peperiksaan/Pentaksiran</b> seperti yang dinyatakan di atas.		
Tandatangan : .....		Tarikh : .....
<b>6. PENGESAHAN GURU BESAR/ PENGETUA/ PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI</b>		
Tandatangan : .....		Tarikh : .....

**NOTA:** Borang BPC yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Guru Besar/Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri bagi calon persendirian. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri / Sekolah/institut hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam (6) bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.